

## **BAB II**

### **KAJIAN PERPUSTAKAAN YANG RELEVAN**

#### **2.0 PENDAHULUAN**

Dalam bab 2 ini, pengkaji akan membincangkan dua perkara yang amat penting, iaitu perbincangan tentang pengertian konsep-konsep percampuran bahasa yang pernah dikaji oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini, dan kajian-kajian lepas berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang dilakukan oleh penyelidik di dalam dan juga di luar Malaysia.

#### **2.1 PENAKRIFAN ISTILAH**

Seperti yang dihuraikan dalam bab pengenalan, fokus utama kajian ini berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan dan faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini, konsep spesifik yang digunakan ialah percampuran kod.

##### **2.1.1 Pengertian Konsep Percampuran Kod**

Di sini, pengkaji mengemukakan konsep spesifik percampuran kod yang dikemukakan oleh penyelidik-penyelidik lepas yang pernah menjalankan kajian berkenaan dengan fenomena percampuran kod.

Thelander M. (1976:111) dalam artikelnya yang berjudul '*Code Switching or Code Mixing*' telah memberikan perbezaan terhadap definisi peralihan kod dengan percampuran kod. Beliau juga menyatakan konsep percampuran kod adalah berlainan dengan konsep pijin dan kreol. Bahasa pijin merupakan hasil gabungan bahasa tetapi bukan bahasa pertama di dalam sesebuah komuniti. Pijin bertindak sebagai bahasa perhubungan yang digunakan oleh penutur pelbagai bahasa yang bertemu dan berhubung antara satu sama lain, di mana bahasa pijin tidak mempunyai penutur asli. Manakala, bahasa Kreol pula telah terbentuk apabila Pijin mempunyai penutur asli yang menggunakannya sebagai bahasa utama dan menjadi bahasa ibunda masyarakat tersebut. Kedua-dua konsep ini berlainan dengan konsep percampuran kod. Bagi Thelander, konsep percampuran kod merujuk sebarang pertukaran bahasa yang terdapat di dalam klausa yang sama. Hal ini berbeza dengan peralihan kod kerana peralihan kod melibatkan pertukaran bahasa atau klausa. Jadi, boleh kita lihat dengan jelasnya, bagi Thelander, percampuran kod merujuk kepada sebarang pertukaran yang terdapat dalam satu klausa yang sama, di mana penggunaan lebih daripada satu bahasa atau dialek yang digunakan dalam satu ujaran yang sama.

Menurut Jendra (1988: 121), kod biasanya merujuk kepada bahasa, gaya bahasa dan variasi bahasa. Percampuran kod pula merupakan salah satu cara penggunaan bahasa, di mana wujudnya percampuran ataupun kombinasi antara bahasa-bahasa yang berlainan dalam satu klausa atau ayat yang sama.

Sankoff dan Poplack (1981:46) pula menyatakan bahawa dalam percampuran kod, kesempurnaan struktur daripada bahasa-bahasa lain yang menjadi komponen bahasa pertama itu dikekalkan, dan kod-kod yang dicampurkan itu pula secara fonologi dan morfologinya berada dalam keadaan yang terpisah. Ia bermaksud kod-kod yang

dicampurkan ke dalam bahasa pertama itu tidak mengalami apa-apa perubahan dari segi fonologi dan morfologi.

Menurut Bokamba (1988:21-62) pula, percampuran kod bermaksud penggunaan berbagai-bagai unit linguistik seperti imbuhan, kata, frasa dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat. Percampuran kod ini memerlukan minimum dua bahasa yang peraturannya diintegrasikan dalam satu ayat.

Poplack (1981:169-184) berpendapat bahawa percampuran kod biasanya berlaku di satu titik dalam satu ayat. Titik percampuran kod berada dalam lingkungan struktur permukaan dua bahasa yang dipadankan bersama-sama. Contohnya orang yang sedang berkomunikasi dalam bahasa Melayu memasukkan unsur-unsur bahasa yang lain seperti bahasa Melayu standard dicampuradukkan dengan dialek-dialek Melayu dan bahasa Inggeris. Hal ini kerana penutur beranggapan bahawa pendengar akan faham dan fasih dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Istilah percampuran kod dan peralihan kod itu kedua-duanya tidak mempunyai perbezaan kerana jika kita perhatikan maksud yang diberikan oleh Di Pietro (1977: 3-13), Trudgill (1974:56) dan Hudson (1980:56), masing-masing berpendapat bahawa percampuran kod melibatkan penukaran daripada satu ragam bahasa kepada satu ragam bahasa yang lain dan penukaran tersebut dipengaruhi oleh faktor situasi dan masa.

Bagi Alvarez-Caccamo (2000:112), secara praktikalnya, semua kerja berdasarkan percampuran dan pengalihan kod telah diidentifikasi dengan tegas tanggapan di antara kod dan kepelbagaian linguistik menjadi satu bahasa, dialek, gaya percakapan atau memperlihatkan persajakan. Namun, fokus struktur ini gagal untuk penjelasan yang

meyakinkan bagi sesetengah fenomena perbualan berdasarkan ketidakrasionalan ataupun tidak relevan pada pertukaran di antara kepelbagaian kontras.

Menurut Haugen (1953:363), percampuran kod merupakan satu fenomena yang berlaku apabila berlakunya peminjaman sesuatu perkataan bahasa lain dalam sesuatu bahasa natif. Pinjaman perkataan adalah proses yang biasa digunakan dalam pembentukan perkataan baru bagi sesuatu bahasa iaitu mengambil perkataan dari bahasa lain dan diubah menjadi kepunyaan bahasa itu sendiri. Keadaan peminjaman bahasa biasanya berlaku di kalangan penutur yang berupaya bertutur beberapa jenis bahasa.

Berdasarkan beberapa definisi yang diberikan oleh beberapa sarjana-sarjana sosiolinguistik, boleh kita rumuskan bahawa percampuran kod wujud akibat daripada pertembungan lebih daripada dua kod linguistik. Dalam kajian ini, percampuran kod merujuk kepada fenomena di mana item-item leksikal bahasa dan dialek lain yang wujud dalam ujaran bahasa Mandarin yang dituturkan oleh kaum Cina di Kelantan. Seperti mana dengan perbincangan sarjana-sarjana sosiolinguistik, percampuran kod wujud dalam bahasa Mandarin di Kelantan kerana kaum Cina di Kelantan majoritinya menguasai beberapa bahasa dan dialek yang berlainan, seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dialek Kelantan, dialek Hokkien dan sebagainya. Jadi wujudlah pertembungan lebih daripada dua kod linguistik dan membawa kepada fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

## **2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS MENGENAI PERCAMPURAN KOD**

Kajian tentang fenomena percampuran kod banyak dilakukan oleh ahli-ahli linguistik di luar dan di dalam negara. Di sini, pengkaji membincangkan beberapa kajian

yang telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana berkenaan dengan fenomena percampuran kod. Dalam bahagian ini, pengkaji juga membincangkan kajian kepustakaan berkenaan dengan topik ini berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji di luar negara dan pengkaji di dalam Malaysia.

### **2.2.1 Kajian-kajian lepas yang dijalankan di luar negara**

Antara kajian-kajian terawal yang berkaitan dengan fenomena percampuran kod dan faktor-faktor yang mempengaruhinya ialah kajian yang dijalankan oleh Clyne (1967), ErvinTripp (1966), Fishman (1965), dan Gumperz & Hernandez-Chavez (1975). Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan tentang percampuran kod sejak beberapa dekad terdahulu. Antara kajian yang akan dibincangkan di sini ialah kajian Rubin (1962), kajian Rayfield (1970), kajian Braj B. Kachuru (1978), kajian Pairat Waire (1979) dan lain-lain lagi pengkaji asing.

Kajian Rubin (1962) boleh dikatakan antara kajian terawal berkenaan dengan topik percampuran kod kerana dilakukan sebelum tahun 1960-an. Dalam kajian tersebut, beliau telah menjalankan kajiannya di Paraguay, di mana kajiannya bertumpu kepada pemilihan bahasa antara Guarni dan Sepanyol. Dalam kajian tersebut, Rubin telah merumuskan bahawa pemilihan bahasa dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti lokasi, gaya wacana, darjah keakraban dan perhubungan rasmi. Rubin menyimpulkan bahawa dalam masyarakat pelbagai bahasa seperti di Paraguay, amalan percampuran dan penukaran kod semasa berkomunikasi adalah serupa dengan apa yang berlaku di kalangan masyarakat multilingual di kawasan-kawasan lain.

Selain itu, dalam kajian Rayfield (1970), beliau telah menunjukkan bahawa kegunaan percampuran kod sebagai suatu alat retorik bahasa. Katanya, percampuran sesuatu kod digunakan untuk menekankan makna atau menghasilkan kesan dramatik ke atas sesuatu ujaran. Terdapat lima fungsi penukaran dan percampuran kod yang terkandung dalam kajian beliau, iaitu untuk membezakan klausa di antara dua bahasa yang digunakan, untuk menjelaskan semua maksud sesuatu ujaran yang tidak mungkin dijangka oleh pendengar, untuk mengelakkan penyebutan sesuatu yang mungkin kurang disenangi jika disebut dalam bahasa pendengar, untuk membuat penekanan tentang sesuatu perkara dengan mengulangkannya dalam dua bahasa yang berlainan dan untuk membuat komen yang berbentuk penjelasan atau menukarkan topik perbualan.

Berkenaan dengan topik percampuran kod, Kachuru (1978:107-124) telah pun membincangkan fenomena ini dalam kajiannya. Beliau mengkaji secara mendalam berkenaan dengan fenomena ini yang berlaku di kalangan masyarakat orang India di Asia Selatan. Dalam kajian Kachuru, beliau telah menghubungkan fenomena percampuran kod ini dengan konteks dan situasi masyarakat itu sendiri. Bahasa Hindi dan bahasa Inggeris merupakan kod yang dijadikan bahan kajiannya. Beliau telah menghuraikan persoalan yang berkaitan dengan bentuk percampuran kod, proses percampuran kod dan proses leksikal dalam pengkajian beliau. Selain itu, beliau juga telah menghuraikan motivasi-motivasi yang menyebabkan berlakunya fenomena percampuran kod ini dalam masyarakat India di Asia Tenggara. Hasil kajiannya telah membuktikan bahawa adanya ikatan yang rapat di antara ketergantungan bahasa dengan fenomena percampuran kod multilingual. Kachuru juga membuktikan bahawa fenomena percampuran kod masing-masing mempunyai fungsi dan peranannya. Rangka teori konteks situasi telah digunakan oleh beliau untuk menghubungkan penggunaan bahasa dengan bentuk linguistik demi

menghuraikan ikatan langsung antara linguitik dengan situasi dan konteks budaya sesuatu masyarakat. Mengikut beliau, sikap seseorang komunikator dalam pemilihan sesuatu kod itu mempunyai perkaitan yang rapat dengan dengan sikap komunikator tersebut terhadap bahasa dan prestij yang dimainkan oleh bahasa tersebut di dalam sesuatu masyarakat. Beliau berpendapat bahawa dalam fenomena percampuran kod ini, seseorang komunikator bukan sahaja mencampurkan satu atau dua bahasa yang dikuasai oleh mereka tetapi kadang-kadang mencampurkan semua bahasa yang dikuasai oleh mereka dalam sesuatu interaksi perbualan. Kajian Kachuru telah merumuskan beberapa proses percampuran kod yang kerap wujud dalam sesebuah komuniti yang berdwibahasa atau bermultilingual, iaitu:

- i. Penyisipan atau percampuran dari segi unit, iaitu mencampurkan satu perkataan atau item leksikal bahasa lain ke dalam bahasa asal yang digunakan. Misalnya, penyisipan kata nama, kata adjektif, kata kerja, kata ganti, kata sendi, kata penjodoh bilangan, kata seru, kata perintah, kata awalan atau kata-kata tugas sesuatu bahasa ke dalam ayat atau ungkapan yang berbahasa lain.
- ii. Percampuran kod dari segi frasa, misalnya frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama daripada bahasa lain dicampurkan ke dalam ungkapan sesuatu bahasa yang digunakan.
- iii. Penyisipan dari segi ayat dan klausa, iaitu menyisipkan ayat tunggal pendek atau klausa sesuatu bahasa ke dalam satu wacana yang berbahasa lain.
- iv. Penyisipan kata kiasan dan kata kolokasi sesuatu bahasa ke dalam ungkapan atau ayat yang berbahasa lain.
- v. Menambahkan infleksi dan reduplikasi (pengganda), yakni bahasa yang diresapi itu telah mengalami proses infleksional supaya secocok dengan bahasa peresap

atau bahasa natif. Dalam proses reduplikasi, item-item atau perkara-perkara dari sesuatu bahasa dicampurkan ke dalam bahasa lain .

Daripada hasil kajian Kachuru (1978:107-124), beliau menyimpulkan bahawa bahasa mempunyai perkaitan rapat dengan percampuran kod. Bagi Kachuru, percampuran kod dalam interaksi mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri. Jadi, beliau berpendapat bahawa sesuatu kajian percampuran kod perlu ditinjau dari segi konteks bahasa masyarakat itu sendiri.

Di samping itu, berkenaan dengan topik percampuran bahasa, Jendra (1991:133) merupakan salah seorang sarjana yang mempunyai pandangan dan pendapat yang hampir sama dengan Kachuru (1978). Jendra telah mengklasifikasikan fenomena percampuran kod kepada 3 tahap yang berlainan, iaitu:

- (i) Percampuran kod pada tahap kata;
- (ii) Percampuran kod pada tahap frasa;
- (iii) Percampuran kod pada tahap klausa.

Begitu juga dengan Waire P. (1979) yang telah membincangkan fenomena percampuran kod di Thailand secara mendalam. Beliau menumpukan kajiannya terhadap bahasa campuran antara bahasa Thai dengan bahasa Inggeris. Kajian beliau menunjukkan bahawa bahasa bentuk percampuran interlinguistik dan intralinguistik wujud berdampingan di antara satu sama lain. Dalam kajian ini beliau telah membezakan fenomena percampuran kod dan peralihan kod. Beliau berpendapat bahawa fenomena pengalihan kod antara bahasa Inggeris dan bahasa Thai jarang berlaku kerana populasi masyarakat Thai yang fasih berbahasa Inggeris adalah tidak begitu ramai. Sebaliknya, percampuran kosa kata bahasa

Inggeris-Thai amat ketara dalam perlakuan berbahasa masyarakat Thai jika berbanding dengan penggunaan pengalihan kod.

Romaine S. (1985) juga merupakan salah seorang sarjana yang membincangkan fenomena percampuran kod yang wujud dalam kata majmuk yang terdapat dalam bahasa Punjabi-Inggeris di Birmingham. Beliau membincangkan fenomena ini dari segi semantik dan sintaksisnya. Kajian Romaine S. telah menunjukkan dari segi sintaksis, apa yang paling menarik ialah fenomena percampuran kod yang terlibat dalam sistem kata kerja majmuk bahasa Punjabi dalam kajiannya telah menunjukkan bahasa Inggeris yang dipinjam itu berinteraksi dengan bahasa Punjabi tanpa melibatkan sebarang perstruktur semula atau tidak diganggu oleh sistem morfologi pertuturan natif. Dari segi semantik pula, Romaine S. telah menyatakan terdapatnya gangguan semantik dan penstruktur semula ayat yang agak sama, namun dalam jangka masa yang panjang, hal ini sedikit sebanyak akan memberikan implikasi tertentu kepada bahasa itu. Ini bererti penyerapan kata-kata bahasa Inggeris ke dalam sistem kata kerja majmuk bahasa Punjabi telah sedikit sebanyak menyatakan bahawa pada tahap tertentu, bahasa Punjabi itu berkurangan peraturan untuk membentuk kata kerja produktif baru.

Hammink (2000) telah menjalankan satu kajian berkenaan dengan fenomena percampuran kod dalam kajiannya yang bertajuk "*A Comparison of the Code Switching Behavior and Knowledge of Adults and Children*". Dalam kajiannya, Hammink telah membandingkan amalan percampuran kod dan sikap terhadap percampuran kod di antara orang dewasa dan kanak-kanak. Tujuan kajian Hammink dijalankan untuk mengetahui hubungkait antara sikap dan perlakuan terhadap percampuran kod ini di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak. Kajiannya dijalankan di sekolah rendah di kawasan pedalaman

yang sedang membangun di timur Bandar EL Paso, Texas, di mana ia melibatkan 53 orang responden, iaitu 21 orang staf dewasa dan 32 orang pelajar gred 4. Borang soal selidik yang mengandungi 21 item, yang dibahagikan kepada 4 bahagian, iaitu tinjauan perlakuan, sikap terhadap percampuran kod, bahasa yang digunakan di rumah, dan ujian tatabahasa telah diedarkan kepada setiap responden. Dapatan kajian Hammink menunjukkan sikap orang dewasa dan kanak-kanak terhadap percampuran kod ini secara keseluruhannya adalah sama. Namun, sikap kanak-kanak terhadap fenomena percampuran kod ini adalah lebih positif jika dibanding dengan orang dewasa. Dapatan beliau juga memaparkan kadar percampuran kod yang dipraktikkan oleh orang dewasa lebih tinggi, diikuti dengan kanak-kanak dwibahasa, di mana mereka hanya kadang-kadang mengalihkan kod di dalam satu ayat yang sama. Terdapat sebilangan kecil sahaja pelajar yang hanya menguasai satu bahasa menggunakan percampuran kod. Hammink juga menyatakan responden yang menguasai lebih daripada satu bahasa lebih cenderung menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi.

Secara kesimpulannya, Hammink menyatakan responden yang menggunakan satu bahasa sahaja di rumah mempunyai tahap pengetahuan bahasa tersebut yang lebih tinggi daripada responden yang menguasai dua bahasa. Bagi responden yang menguasai dua bahasa, pengetahuan mereka tentang bahasa tidak semestinya mempengaruhi kelakuan percampuran kod yang dipraktikkan.

Ruan, J (2003) telah menjalankan satu kajian berkenaan dengan percampuran kod di kalangan kanak-kanak dwibahasa di China. Kajian Ruan adalah mengenai amalan percampuran kod di kalangan kanak-kanak yang menguasai dua bahasa iaitu bahasa Cina dan bahasa Inggeris dalam satu program bahasa Cina. Dalam kajiannya, Ruan telah

menerangkan satu corak percampuran kod yang digunakan oleh kanak-kanak dwibahasa ini. Kajian yang dijalankan oleh Ruan adalah ke atas kanak-kanak dwibahasa yang telah tamat satu program bahasa Cina di sebuah universiti di Beijing. Dapatan kajian Ruan menunjukkan percampuran kod yang digunakan oleh respondennya ialah sebagai salah satu cara untuk berkomunikasi di mana mereka mencampurkan kod semasa berkomunikasi supaya ia bersesuaian dengan fungsi sosial, fungsi pragmatik dan fungsi meta-linguistik. Dapatan kajian Ruan juga mendapati, kesemua kanak-kanak yang menguasai dua bahasa ini mempunyai amalan melakukan percampuran kod walaupun kadar dan frekuensi percampuran kod ini adalah berbeza di antara mereka. Menurut kajian Ruan, secara keseluruhannya, fenomena percampuran kod dan pemilihan bahasa yang digunakan adalah disebabkan oleh pengaruh penutur-penutur yang turut serta dalam perbualan itu. Selain daripada itu, pemilihan topik yang berkaitan dengan adat dan budaya turut mempengaruhi fenomena percampuran kod berlaku. Ruan juga berpendapat bahawa kajian mengenai percampuran kod ini mempunyai kesan-kesan ke atas proses pengajaran dwibahasa, penyediaan alat-alat pengajaran dan penilaian mengenai dwibahasa yang dikemukakan oleh Soh(1987). Dapatan kajian ini menyokong pernyataan yang mengatakan bahawa para pendidik perlu melihat fenomena percampuran kod yang dipraktikkan oleh kanak-kanak dwibahasa dari sudut yang positif.

Dalam kajian Yü (2003:26), beliau menyatakan percampuran kod merupakan salah satu fenomena pertuturan dan pengkajian yang selalu wujud di kalangan penutur-penutur yang berasal dari masyarakat yang berbilang kaum dan bermultilingual. Di samping itu, pengguna-pengguna bahasa dalam komuniti yang berupaya bermultilingual juga kerap mencampurkan item-item leksikal sejenis atau beberapa jenis bahasa lain ke dalam bahasa yang mereka tuturkan. Lebih-lebih lagi, dialek-dialek atau kata pinjaman yang telah

diterjemahkan juga akan dicampurkan ke dalam bahasa yang mereka tuturkan secara sedar atau tanpa disedari. Selain itu, Yü berpendapat bahawa fenomena percampuran kod tidak boleh dianggap sebagai satu masalah pencemaran bahasa sahaja, sebaliknya fenomena ini hanya boleh dipandang sebagai satu keadaan masyarakat yang semulajadi dan tidak boleh dielakkan. Yü berpendapat bahawa keadaan macam ini jarang wujud dalam komuniti yang bermonolingual seperti dalam komuniti Jepun dan Korea. Fenomena percampuran kod jarang berlaku dalam komuniti kedua-dua masyarakat tersebut kerana penduduk di kedua-dua buah negara tersebut berasa bangga semasa menggunakan bahasa etnik dirinya sendiri, maka sikap ini menyebabkan mereka jarang mencampurkan kod lain ke dalam bahasa Jepun dan bahasa Korea yang digunakan. Jadi, dapat kita lihat bahawa latar belakang sesebuah komuniti dan persepsi terhadap bahasa yang digunakan juga merupakan penentu-penentu yang menggalakkan golongan pengguna bahasa mencampurkan kod lain ke dalam bahasa yang digunakan atau sebaliknya.

Sehubungan itu, Suraiya Alam (2006) telah menjalankan kajian tentang fenomena percampuran kod yang berlaku di kalangan golongan kolar putih di Bangladesh. Kajian beliau dijalankan adalah berdasarkan rangka kerja yang dikemukakan oleh Wardhaugh (1992:107). Kajian Suraiya Alam menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris amat diperlukan di kalangan kolar putih di Bangladesh, jadi motivasi untuk menguasai bahasa Inggeris di kalangan kaum kolar putih di Bangladesh amatlah tinggi dan ini telah mendorong kepada fenomena percampuran kosa kata bahasa Inggeris yang berlaku dengan berleluasa di kalangan kolar putih di Bangladesh. Kajian Suraiya Alam dijalankan berdasarkan objektif untuk mengetahui faktor dan corak percampuran kod di kalangan responden. Kajiannya telah dijalankan melalui kaedah soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Sebanyak 60 orang golongan kolar putih terlibat di dalam kajiannya.

Dapatan kajian Suraiya Alam menunjukkan salah satu faktor fenomena percampuran kod yang berlaku di Bangladesh disebabkan oleh faktor persekitaran. Percampuran kod di kalangan kaum kolar putih di Bangladesh berlaku kerana bahasa Inggeris banyak digunakan untuk dokumentasi dan komunikasi harian di tempat kerja. Kadar percampuran kod juga berbeza-beza bergantung kepada tahap rasmi dan tidak rasmi sesuatu keadaan. Dapatan kajian Suraiya juga menunjukkan faktor berlakunya percampuran kod adalah kerana (a) berlaku tanpa disengajakan; (b) untuk menarik perhatian; (c) untuk menunjuk-nunjuk; (d) untuk tujuan profesional; (e) untuk menarik perhatian jantina yang berlainan; (f) untuk mengasingkan kumpulan lain dan mengambil kesempatan disebabkan penguasaan bahasa asing; (g) kurang menguasai terjemahan kata dalam bahasa natif; (h) medium pendidikan dan latihan yang menggunakan bahasa Inggeris; dan (i) eufemisme. Dapatan seterusnya menunjukkan percampuran kod berlaku di Bangladesh dengan begitu berleluasa di kalangan ibu bapa, adik-beradik, saudara-mara, rakan sekerja, rakan-rakan dan orang yang tidak dikenali. Secara ringkasnya, kajian Suraiya menunjukkan bahawa orang Bangladesh memiliki minat yang tinggi terhadap bahasa Inggeris dan minat ini tidak akan menjejaskan bahasa Bangla yang kaya dengan nilai-nilai warisan mereka.

Reyes I. (2004:87) dari University of Arizona di dalam kajiannya yang bertajuk "*Function of Code switching in schoolchildren's conversations*" menunjukkan fenomena percampuran kod yang digunakan oleh kanak-kanak berumur yang lebih muda adalah lebih kurang jika dibanding dengan kanak-kanak yang lebih berumur. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berumur 7 tahun menggunakan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asas semasa perbualan biasa, akan mencampurkan segelintir sahaja kosa kata bahasa Inggeris ke dalam perbualan mereka yang menggunakan bahasa Sepanyol

sebagai bahasa natif. Manakala, kanak-kanak berusia 10 tahun ke atas akan lebih kerap melakukan amalan percampuran kod yang melibatkan kosa kata bahasa Inggeris. Beliau berpendapat bahawa, kanak-kanak yang semakin meningkat remaja akan kerap melakukan amalan percampuran kod untuk menunjukkan taraf sosial dan keupayaan berbahasa mereka. Mereka menjadi semakin sensitif terhadap keupayaan bahasa kawan-kawan dan mudah dipengaruhi oleh faktor persekitaran mereka.

Bandia P. (1996:51) di dalam kajiannya yang bertajuk “ *Code Switching And Code Mixing In African Creative Writing: Some Insight For Translation Studies* ” berpendapat bahawa pertukaran kod dan percampuran kod sepatutnya digunakan bukan hanya sebagai alat pergaulan dan untuk sosiopolitik sahaja tetapi juga sebagai alat perhubungan yang mengekalkan atau mengubah sesuatu batas etnik sesebuah kumpulan dan hubungan personal. Beliau juga menyatakan bahawa menterjemahkan tulisan pertukaran kod dan percampuran kod memerlukan pengetahuan yang luas tentang fungsi-fungsi pragmatik bagi percampuran dan pertukaran kod. Kebanyakan pengkaji-pengkaji Afrika mempunyai kefahaman tentang keadaan ini dengan bagus sekali. Ini terbukti berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan oleh mereka. Pengkaji-pengkaji tersebut telah memainkan peranan yang penting di dalam kajian aspek oral tradisional Afrika dan dalam menempatkan bahasa tersebut di antara bahasa-bahasa Eropah yang lain.

Manakala bagi Ilya Bratman, (2006:67) dalam kajiannya yang bertajuk “*The Russians Are “Chilling”*: A Study Of Codemixing In The Russian Community Of Pittsburgh” berkata 18 daripada respondennya mengidentitikan mereka sebagai orang Rusia manakala 7 daripadanya mengaku orang Amerika. Mereka mengaku diri sebagai rakyat Amerika kerana mereka telah menetap di Amerika Syarikat sejak berusia sepuluh

tahun lagi, oleh sebab itu identiti mereka dibentuk di sana. Walau bagaimanapun mereka menyatakan mahu mengajar anak-anak mereka bahasa Rusia dan mereka sedar akan kepentingan bilingualisme di zaman era globalisasi. Dapatan Bratmam juga menunjukkan bahawa respondennya sedar mereka selalu menggunakan percampuran kod yang akan berlarutan di dalam setiap perbualan. Namun, responden menunjukkan mereka selalunya tidak menggunakan percampuran kod apabila bercakap dengan generasi yang lebih tua seperti datuk dan nenek serta ibu bapa mereka. Penutur selalunya menggunakan percampuran kod apabila bersama kawan-kawan atau adik-beradik mereka yang berada di generasi yang sama. Kajiannya juga menganalisis fungsi pertukaran kod di dalam komunikasi harian di antara rakan-rakan.

Ho. Judy W.Y dalam kajiannya yang bertajuk “*Code-Mixing: Linguistic Form And Socio-Cultural Meaning*” (2007) berkata bahawa, percampuran kod merujuk kepada percampuran elemen-elemen pertuturan dua atau lebih kod di dalam satu-satu ujaran. Beliau berkata fenomena percampuran dialek Kantonis dan Inggeris kadang-kadang mendatangkan risiko di dalam komunikasi sesuatu etnik. Tujuan kajiannya adalah untuk menyedarkan masyarakat supaya tidak menggunakan pertukaran kod yang melampau apabila berkomunikasi dengan sesiapa yang lebih rendah taraf pendidikannya daripada penutur terutamanya insan yang rapat dengan penutur seperti ibu bapa, anak saudara dan kawan-kawan. Ini bertujuan supaya penutur tidak dilabelkan sebagai menunjuk-nunjuk atau bongkak. Walau bagaimanapun percampuran kod Kantonis-Inggeris agak kukuh di antara masyarakat yang berpendidikan bilingual. Beliau berpendapat bahawa responden tersebut menyatakan bahawa mereka boleh menyatakan sesuatu idea atau perasaan tanpa disalah ertikan (salah faham) dan tiada masalah untuk penerangan sama ada dalam bahasa Inggeris atau dialek Kantonis. Dapatan beliau juga menunjukkan bahawa responden yang

ditemuramah menyatakan bahawa itulah dialek Kantonis yang bercampur dengan kosa kata bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling selesa untuk digunakan dalam kehidupan harian. Jika berinteraksi dalam bahasa Inggeris yang standard, mereka akan gementar untuk menyerlahkan diri kerana bimbang akan kesilapan penggunaan tatabahasa.

Soepomo (2005) telah menjalankan kajian berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku di Brunei dan membincangkan dengan teliti terhadap faktor-faktor yang membawa kepada fenomena percampuran kod di negara tersebut. Bagi Soepomo, sistem pendidikan negara yang berlandaskan kedwibahasaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pertuturan seharian rakyat Brunei dalam menggunakan percampuran kod yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Begitu juga dengan faktor unsur kemodenan, di mana sifat penutur yang ingin menunjukkan kebolehannya bertutur dalam dua bahasa juga merupakan faktor yang mendorong kepada wujudnya fenomena percampuran kod. Selain itu, faktor nilai makna, di mana penutur bahasa Melayu sering menggunakan kosa kata dalam bahasa Inggeris untuk menyampaikan sesuatu yang ingin diungkapkan kerana sukar untuk mencari item leksikal dalam bahasa Melayu. Sebagai contohnya, perkataan “mood” lebih sering digunakan berbanding menyatakannya dengan “perasaan hati” sama ada “perasaan gembira” atau sebaliknya dalam pengertian bahasa Melayu. Dalam kajian beliau, Soepomo juga menyatakan bahawa percampuran kod biasanya berlaku apabila penutur ingin merahsiakan sesuatu daripada diketahui oleh pihak ketiga dan di dalam situasi kurangnya galakan yang diberikan oleh orang yang diajak bercakap. Contohnya apabila seseorang penutur ingin bertutur sepenuhnya dalam bahasa Melayu baku, penutur tersebut mungkin akan dianggap bermegah atau sombong. Sehubungan itu, Soepomo juga menyatakan faktor peserta yang berinteraksi juga merupakan faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod yang

berlaku di Brunei, di mana apabila berlakunya pertembungan antara dua masyarakat dan budaya yang berbeza, untuk melicinkan perbualan, penggunaan percampuran kod biasanya akan dipraktikkan. Sebagai contohnya, apabila penutur Cina berinteraksi dengan penutur Melayu, mereka akan menggunakan percampuran kod agar difahami oleh kedua-dua peserta. Begitu juga status peserta yang terlibat. Beliau menunjukkan bahawa penutur akan memilih sama ada menggunakan percampuran kod ataupun tidak ketika berinteraksi dengan mempertimbangkan status peserta yang terlibat dalam komunikasi tersebut. Kajian Soepomo juga telah menunjukkan bahawa percampuran kod banyak memberi sumbangan dan keperluan dalam perhubungan sehari-hari sama ada di dalam konteks rumah, sekolah, pejabat, tempat membeli-belah dan sebagainya.

### **2.3.2 Kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia**

Berkenaan dengan kajian percampuran kod ini, beberapa ahli sarjana tempatan telah menjalankan kajian mereka, di antaranya ialah Asmah Haji Omar, Nik Safiah Karim, Wong Kek Seng, Siti Hanim, Ong Kin Suan, Kang Choo Bee dan sebagainya. Di sini, pengkaji hanya akan membincangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan kajian berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang telah dikaji oleh pengkaji tempatan.

Menurut Asmah (1985), konteks atau situasi merupakan salah satu faktor yang menentukan kewujudan fenomena percampuran kod dan pengalihan kod. Fenomena percampuran kod kerap wujud dalam kalangan pengguna-pengguna bahasa yang berasal dari komuniti yang berbilang dan bermonolingual seperti di Malaysia. Asmah (2003:149) juga menyatakan bahawa penutur-penutur melakukan percampuran kod untuk tujuan mengakomodasikan perbualan secara bersemuka atau perbualan tanpa bersemuka.

Justeru itu, Asmah (1982) juga mendapati bahawa percampuran kod merupakan perubahan daripada satu kod ke satu kod yang lain dalam pertuturan oleh penutur yang tertentu dan dalam situasi yang tertentu sama ada formal atau tidak formal. Menurut Asmah, percampuran kod biasanya berlaku dalam bentuk interbahasa atau intrabahasa, di mana ia wujud di kalangan pengguna-pengguna bahasa bilingual serta juga di kalangan pengguna-pengguna bahasa monolingual. Contohnya, penutur-penutur yang bahasa ibundanya ialah bahasa Melayu, tetapi pada masa yang sama penutur-penutur bahasa berkenaan juga boleh bertutur dengan menggunakan dialek Melayu Brunei. Oleh itu, penutur-penutur monolingual ini sering mencampurkan dialek Melayu Brunei ke dalam bahasa Melayu standard apabila berada dalam konteks tertentu.

Nik Safiah Karim telah menjalankan kajiannya berkenaan dengan fenomena percampuran kod ini pada tahun 1989. Dalam kajian Nik Safiah (1989), beliau menyatakan fenomena percampuran kod ini dipengaruhi oleh faktor tajuk perbualan dan komunikator terhadap sesuatu tajuk dan bentuk tajuk boleh memainkan peranan yang utama dalam menentukan jenis bahasa yang hendak digunakan. Seterusnya faktor peserta yang terlibat dalam sesuatu komunikasi juga menyebabkan kewujudan fenomena ini, contohnya, tali perhubungan antara peserta itu adalah rapat seperti ahli keluarga, maka bahasa ibunda yang bercampur dengan pelbagai kod akan digunakan. Sebaliknya, dalam keadaan formal, bahasa berstandard akan digunakan. Di samping itu, Nik Safiah juga berpendapat bahawa pengetahuan dan tahap penguasaan bahasa-bahasa juga menentukan jenis bahasa yang dicampurkan ke dalam bahasa natif. Selain itu, konteks seperti situasi pertuturan dan perbualan yang berlainan juga akan menentukan sama ada pengguna bahasa mencampurkan kod atau tidak. Nik Safiah menyatakan bahawa di Malaysia, disebabkan bahasa Inggeris

mempunyai prestij yang tinggi dan diiktirafkan sebagai bahasa antarabangsa, ia merupakan salah satu faktor yang mengakibatkan penutur-penutur bahasa lain lebih cenderung mencampurkan leksikal-leksikal bahasa Inggeris ke dalam wacana mereka. Fenomena ini wujud kerana dikatakan ada penutur yang menganggap bahawa penggunaan bahasa Inggeris semasa berkomunikasi dengan orang lain dapat meningkatkan status sosial mereka.

Awang Sariyan (2004) juga merupakan salah seorang sarjana tempatan yang mengkaji bahasa rojak dan fenomena percampuran kod di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa bahasa rojak merupakan satu bentuk keracunan bahasa dalam bidang linguistik atau ilmu bahasa. Mengikut Awang Sariyan, sebenarnya tidak pernah wujudnya istilah bahasa rojak sebelum ini. Istilah ini ditimbulkan oleh sejumlah orang yang melihat fenomena bahasa yang bercampur-adukkan bahasa Melayu dengan bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris. Jadi, pengkaji di sini berpendapat bahawa istilah bahasa rojak yang dibincangkan oleh Awang Sariyan adalah sama dengan fenomena percampuran kod yang dijadikan topik kajian dalam kajian pengkaji ini.

Menurut Awang Sariyan lagi, fenomena percampuran kod ini biasanya akan mewujudkan fenomena peminjaman kata, iaitu satu fenomena pengambilan kata dan penyerapan istilah daripada bahasa asing. Biasanya, penutur-penutur cenderung mencampurkan istilah-istilah bahasa lain yang tidak terdapat dalam bahasa natif ke dalam bahasa yang dituturnya agar membolehkan mesej disampaikan kepada pihak pendengar tanpa tergendala. Lama-kelamaan, istilah-istilah bahasa asing yang kerap dicampurkan ke dalam bahasa natif itu akan dipinjam atau diambil lalu menjadi perkataan tetap bahasa natif berkenaan. Istilah-istilah bahasa asing ini dicampurkan ke dalam percakapan, mesyuarat atau ceramah. Misalnya, dalam satu ayat yang pada asasnya menggunakan bahasa Melayu,

selepas dimasukkan beberapa patah kata bahasa asing atau beberapa frasa bahasa asing, fenomena percampuran bahasa Melayu dengan bahasa lain turut diwujudkan. Akan tetapi, sekiranya unsur bahasa asing diambil dan digunakan dengan bersistem, maka ia tidak akan menimbulkan masalah.

Selain itu, Ong (1990) telah menjalani kajian berkenaan dengan percampuran kod di kalangan pelajar Melayu Tingkatan empat di Kuala Lumpur. Kajian Ong (1990) telah menekan kepada aspek linguistik. Aspek kekerapan, peringkat dan arah percampuran kod dianalisiskan untuk menentukan ianya mempengaruhi pemilihan bahasa subjek (Ong, 1990:iii). Dalam dapatan kajiannya, Ong mendapati hubungan peranan dan tanggungjawab peserta, topik, hajat dan kesan berserta nilai dan emosi adalah faktor utama yang membawa kepada fenomena percampuran dan penukaran kod dalam sesuatu perbualan.

Melalui kajian David, M. (2007), fenomena percampuran kod di kalangan remaja Malaysia yang boleh berkomunikasi dalam berbilang bahasa telah jelas dipaparkan. Kebanyakan penutur di Malaysia berkecenderungan menggunakan percampuran kod sebagai salah satu strategi komunikasi untuk melancarkan pertuturan mereka. Percampuran kod berlaku apabila penutur bahasa natif meminjam daripada bahasa lain seperti bahasa Melayu, dialek Cina dan Tamil semasa mereka menggunakan bahasa Inggeris. Menurut kajian beliau, pelajar Melayu lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu apabila mereka bersembang dengan rakan Melayu kerana ramai rakan mereka kurang fasih dalam berbahasa Inggeris dan ini menyebabkan peralihan kod adalah minimal dan menghadkan peralihan atau percampuran satu perkataan. Dengan menggunakan perkataan bahasa Inggeris sebagai gantian untuk perkataan bahasa Melayu, gaya sebutan mengikut gaya dan kualiti pelakon antarabangsa. Pelajar Melayu memilih untuk menggunakan bahasa Melayu dan ini menyebabkan bahasa Inggeris yang diajar di dalam kelas tidak digunakan

sepenuhnya di luar kelas oleh komuniti ini, sebaliknya digunakan sebagai kod yang dicampurkan semasa menggunakan bahasa Melayu. Kajian David, M. (2007) juga menunjukkan bahawa para pelajar menggunakan pelbagai bahasa Inggeris tempatan tidak standard, yang dikenali sebagai *Malaysian English*. Gaya pertuturan *Malaysian English* yang tidak formal dan tidak mengikut standard peraturan tatabahasa. Dapatan beliau juga menunjukkan peralihan dan percampuran kod yang berlaku di Malaysia wujud untuk beberapa tujuan seperti menegaskan sesuatu ujaran ataupun untuk membuat aduan secara formal dan sebagai tanda cinta pada tanah air ataupun untuk mengakrabkan hubungan dengan rakan dalam sesuatu kelompok.

Dalam kajian-kajian lepas berkenaan dengan percampuran kod yang tersedia ada, kajian Kang (2001) merupakan kajian yang paling menarik minat pengkaji. Kang juga merupakan salah seorang sarjana tempatan yang membuat kajian berkenaan dengan fenomena percampuran kod. Kajiannya dilakukan berdasarkan perlakuan berbahasa komuniti Cina peranakan di Tanah Merah, Kelantan. Kajian Kang ini memberikan gambaran asas kepada pengkaji terhadap fenomena percampuran kod yang berlaku di Kelantan dan mendorong pengkaji mencungkil dan memantapkan lagi hasil kajian berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku di Kelantan. Kajian yang dijalankan oleh Kang adalah berkenaan dengan fenomena pengalihan kod dan percampuran kod dalam komuniti Cina Peranakan Kelantan. Kajiannya melihat sejauh mana angkubah sosial seperti jantina, umur dan pendidikan memberikan kesan secara langsung kepada perlakuan berbahasa komuniti tersebut. Pemilihan bahasa semasa berlakunya fenomena percampuran dan pengalihan kod juga ditinjau oleh Kang dalam kajiannya. Kang mendapati bahawa kaum wanita generasi muda lebih cenderung melakukan pengalihan kod dan percampuran kod dalam pertuturan mereka jika dibandingkan dengan generasi tua.

Generasi muda bukan sahaja mencampurkan kod semasa berkomunikasi dengan penutur-penutur yang seumur dengan mereka, tetapi juga mencampurkan kod semasa berinteraksi dengan generasi tua.

Di samping itu, dalam kajian Kang (2001), beliau juga mendapati bahawa golongan yang bertaraf pendidikan tinggi di kalangan penduduk Cina Peranakan Kelantan lebih cenderung mencampurkan kod lain ke dalam bahasa yang dituturinya, terutamanya bahasa Inggeris. Fenomena ini jelas dilihat dalam pertuturan generasi muda yang terdedah kepada pendidikan formal yang menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Cina selain daripada bahasa Melayu. Di samping itu, disebabkan bahasa Inggeris merupakan bahasa yang lebih berprestij dan dijadikan alat pengukuran taraf pendidikan atau status sosial seseorang, maka ini menyebabkan sesetengah penutur berasa bangga semasa menggunakan bahasa Inggeris lalu mencampurkan kod Inggeris ke dalam wacana atau pertuturannya. Selain itu, kajian Kang juga menunjukkan komuniti Cina Peranakan Kelantan yang berpendidikan di sekolah Cina lebih cenderung mencampurkan item-item leksikal atau unit-unit bahasa Cina ke dalam pertuturan bahasa lain semasa mereka berinteraksi dengan penutur-penutur yang fasih berbahasa Cina.

Kang juga merumuskan bahawa penutur-penutur komuniti Cina Peranakan Kelantan lebih suka mencampurkan kod lain dalam perlakuan berbahasa mereka jika dibandingkan dengan pengalihan kod. Ini disebabkan oleh percampuran kod berlaku tanpa dihalang oleh faktor-faktor umur, jantina dan taraf pendidikan, namun faktor-faktor tersebut khususnya umur dan tahap pendidikan yang menentukan jenis-jenis bahasa atau bahasa apa yang dicampurkan ke dalam pertuturan pengguna-pengguna bahasa. Menurut beliau, faktor

pendidikan memainkan peranan penting di mana ia telah memperkayakan jenis bahasa yang digunakan oleh seseorang pengguna bahasa apabila melakukan percampuran kod.

Berdasarkan kajian-kajian berkaitan yang lepas, boleh kita lihat bahawa fenomena percampuran kod ini memangnya kerap wujud dalam pelbagai bahasa, tidak kira apa jua bahasa natif sesuatu komuniti, terutamanya dalam masyarakat yang terdiri daripada komuniti bilingual ataupun multilingual. Setelah meninjau kajian-kajian lepas sarjana asing dan tempatan, pengkaji mendapati bahawa jarang ada orang yang melakukan kajian yang berkenaan dengan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin, lebih-lebih lagi bahasa Mandarin di Kelantan, di mana merupakan bahasa minoriti di Kelantan. Walaupun Kang telah melakukan kajian berkenaan dengan topik percampuran kod dan pengalihan kod di Kelantan, namun informannya adalah kaum peranakan Cina di Kelantan, bahasa natif yang dipertuturkan oleh komuniti tersebut sememangnya bukan bahasa Mandarin, malahan adalah dialek-dialek Cina Kampung seperti Hokkien-Siam dan sebagainya. Dalam kajian ini, responden yang dipilih oleh pengkaji adalah kaum Cina di Kelantan yang bukan daripada golongan peranakan Cina, jadi gambaran yang berbeza dengan kajian Kang berkenaan dengan fenomena percampuran kod di Kelantan akan jelas dipaparkan.

Memandangkan tiadanya kajian berkenaan dengan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan, jadi ini telah mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian ini secara mendalam. Diharapkan hasil kajian ini mengisikan kekurangan kajian berkenaan dengan topik yang dibincangkan.